



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

SIARAN MEDIA

**SEMINAR MEMPERKASA SISTEM LATIHAN DUAL NASIONAL (SLDN)
MELALUI PENGLIBATAN BADAN PENERAJU INDUSTRI (ILB) 2023**

PUTRAJAYA, 30 MEI 2023 - Seminar Memperkasa Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) Melalui Penglibatan Badan Peneraju Industri (ILB) 2023 telah dirasmikan oleh YB Menteri Sumber Manusia pada 30 Mei 2023. Program hari ini adalah satu inisiatif untuk mengarusperdanakan SLDN sebagai salah satu kaedah / medium utama latihan TVET di negara ini.

Program perantisan SLDN diteruskan dalam RMKe-12 (2021-2025). Penyertaan lebih 2000 pihak industri antaranya Bermaz Auto Berhad, McDonalds, MYDIN Mohamed Holdings Berhad, DAIKIN Malaysia Sdn Bhd dan lain-lain lagi menjadikan program TVET-SLDN unik serta menjamin keboleherjaan perantis selepas mereka tamat latihan. Melalui Bajet 2023, Kementerian Sumber Manusia (KSM) akan meneruskan SLDN dengan peruntukan oleh kerajaan sebanyak RM 50 juta dan mensasarkan 8,000 perantis akan dilatih oleh perusahaan kecil dan sederhana (SME). Perantis didaftarkan mengikut jenis program persijilan iaitu program penuh atau program modular.

Berdasarkan Laporan Statistik JPK sehingga 31 Mac 2023, SLDN telah melahirkan seramai 101,438 pemegang Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) meliputi Tahap 1 hingga 3, Diploma Kemahiran Malaysia (DKM), Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia (DLKM) dan Penyata Pencapaian (PC) berasaskan kepada 21 sektor dibawah Malaysia Standard Industry Classification (MSIC). Kita mensasarkan sejumlah 50,000 orang graduan SLDN lagi akan berjaya dihasilkan sehingga tahun 2026.

Program SLDN dapat diperkasa dan dipertingkatkan melalui penglibatan secara langsung ILB-JPK dalam memacu sesuatu sektor industri. Kesemua 26 ILB akan membantu untuk mempromosi, membimbing dan menyelaras syarikat-syarikat dibawah seliaannya dalam memperkasakan pelaksanaan SLDN bagi pembangunan bakat mahir negara seperti mana di negara-negara maju seperti di Australia, United Kingdom dan Jerman.

Kerjasama kukuh pihak persatuan industri khususnya ILB dan institusi TVET melalui pelaksanaan SLDN amat signifikan dalam memastikan padanan antara penawaran dengan permintaan bagi membantu institusi TVET menyediakan kursus berteras industri berteknologi tinggi berdasarkan kehendak industri.

KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA